

**PERANAN SIKAP INTEGRITI DALAM MEMBASMI RASUAH DAN
SALAH LAKU: KAJIAN KONTEKSTUAL TERHADAP INDIVIDU,
ORGANISASI DAN MASYARAKAT**

Noor Syahiran Mohd Kamsan^{*1}, Arash Safura Mas Kandar¹, Nureen Nabihah
Norhaya'lan¹, Mimi Nur Syaquirah Nor Hisham¹, Nur Intan Liyana Mohd Rashid¹
& Sarah Zulaikha Ismail¹

^{1*} Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampur Alor Gajah
78000 Alor Gajah, Melaka

*azaru154@uitm.edu.my (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v6i2.7200>

Abstrak**E-JITU**

Acceptance date:
15 July 2023

Valuation date:
30 July 2023

Publication date:
20 October 2023

Artikel ini membincangkan peranan integriti sebagai asas penting dalam membasmi gejala rasuah dan salah laku dalam masyarakat moden. Penekanan diberikan terhadap aspek individu, organisasi dan masyarakat dalam memahami punca, kesan dan strategi pembanterasan rasuah berdasarkan perspektif nilai Islam dan etika profesional. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara kualitatif terhadap sumber-sumber sekunder termasuk laporan rasmi, artikel jurnal dan dokumen berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kekuatan integriti individu, dasar organisasi yang telus serta penglibatan masyarakat secara kolektif dapat membentuk ekosistem yang menolak rasuah.

Nilai-nilai seperti amanah, akauntabiliti, dan keadilan menjadi asas dalam membangunkan budaya anti-rasuah. Artikel ini turut mencadangkan agar pendidikan nilai diterapkan sejak awal melalui institusi kekeluargaan, sistem pendidikan dan peranan media massa dalam menyampaikan mesej antirasuah yang berkesan.

Kata kunci: Integriti, Rasuah, Nilai Islam, Etika, Pencegahan, Masyarakat

**THE ROLE OF INTEGRITY ATTITUDE IN COMBATING CORRUPTION
AND MISCONDUCT: A CONTEXTUAL STUDY ON INDIVIDUALS,
ORGANIZATIONS, AND SOCIETY****Abstract**

This article discusses the role of integrity as a fundamental foundation in combating corruption and misconduct in modern society. Emphasis is placed on the individual, organizational, and societal levels in understanding the causes, consequences, and strategies for eradicating corruption based on Islamic values and professional ethics. This study employs a qualitative content analysis method using secondary sources,

including official reports, journal articles, and relevant documents. The findings indicate that strong individual integrity, transparent organizational policies, and collective societal involvement contribute to the development of an ecosystem that rejects corruption. Core values such as trustworthiness, accountability, and justice serve as the basis for cultivating an anti-corruption culture. The article also recommends that value-based education be instilled from an early stage through family institutions, the education system, and the role of mass media in delivering effective anti-corruption messages.

Keywords: *Integrity, Corruption, Islamic Values, Ethics, Prevention, Society*

PENGENALAN

Integriti merupakan asas penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat yang beretika dan bermaruah. Integriti juga membawa maksud sikap jujur, amanah, bertanggungjawab dan berpegang teguh kepada prinsip moral yang tinggi dalam setiap tindakan. Dalam konteks pentadbiran dan kehidupan seharian, integriti ini menjadi benteng utama dalam mencegah dan membasmi amalan rasuah serta salah laku. Rasuah dan salah laku bukan sahaja menjejaskan kecekapan sistem pentadbiran, malah ia juga akan merosakkan kepercayaan rakyat terhadap institusi Kerajaan dan sektor swasta. Selain itu, sikap integriti ini juga perlu diterapkan dalam diri setiap individu bagi melahirkan masyarakat yang telus, bersih dan yang berdaya saing. Oleh itu, penerapan nilai ini bukan sahaja membentuk peribadi unggul tetapi ia memainkan peranan yang penting dalam membina negara yang bebas daripada gejala rasuah dan penyelewengan.

Sikap integriti ini adalah elemen penting dalam usaha membasmi rasuah dan salah laku yang menjadi penghalang kepada kemajuan negara. Penerapan nilai ini dalam kalangan individu dan organisasi mampu membentuk sistem pentadbiran yang telus, berkesan dan juga dipercayai. Bagi memastikan nilai ini berterusan dalam masyarakat, Pendidikan moral dan etika perlu diperkuat, dan undang – undang berkaitan rasuah perlu diperkuat kuasakan dengan lebih tegas. Jika semua pihak berganding bahu untuk memupuk integriti ini tidak mustahil impian untuk mewujudkan sebuah negara yang bersih, amanah dan berdaya maju akan menjadi kenyataan. (SPRM, 2020).

PERMASALAHAN KAJIAN

Isu rasuah dan salah laku dalam pentadbiran serta sektor swasta di Malaysia semakin membimbangkan. Statistik terkini oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM, 2022) menunjukkan peningkatan kes rasuah yang melibatkan pelbagai sektor, termasuk penjawat awam dan sektor perolehan. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan kecekapan sistem pentadbiran, tetapi turut merosakkan kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan. Tambahan pula, budaya rasuah mula dinormalisasi dalam kehidupan harian hingga mencengkam nilai moral masyarakat, bahkan menjadi ikutan dari peringkat keluarga, pendidikan hingga tempat kerja. Menurut Transparency International Malaysia (2025), persepsi masyarakat terhadap rasuah menunjukkan tahap keprihatinan yang rendah jika integriti tidak dijadikan asas dalam tingkah laku.

Walaupun pelbagai inisiatif anti-rasuah telah dilaksanakan, termasuk penguatkuasaan undang-undang dan kempen kesedaran, namun kejayaan jangka panjang bergantung kepada kekuatan nilai integriti dalam diri individu dan budaya organisasi yang mengamalkannya. Ramai dalam kalangan pekerja dan pemimpin organisasi berdepan dilema antara amanah dan tekanan sekeliling yang menggalakkan salah guna kuasa. Jika tidak ditangani secara menyeluruh, amalan rasuah akan terus menjadi barah sosial yang melemahkan pembangunan negara. Justeru, kajian ini cuba menghuraikan secara kontekstual bagaimana sikap integriti berfungsi sebagai benteng utama dalam mencegah rasuah melalui kerjasama individu, media, dan masyarakat.

SOROTAN LITERATUR

Kajian Izawati Wook et al. (2022) meneliti hubungan rapat antara budaya rasuah dan integriti dalam pentadbiran awam, menekankan bahawa dasar pentadbiran yang tidak telus menjadi punca utama berlakunya penyelewengan. Kajian ini menekankan bahawa kekuatan sistem pentadbiran perlu diperkukuhkan dengan budaya integriti yang teguh agar dapat mencegah amalan rasuah.

Azam Baki (2022) menegaskan bahawa strategi membanteras rasuah perlu melibatkan pelbagai sektor termasuk sektor swasta. Strategi pencegahan, pendidikan berterusan dan penglibatan seluruh lapisan masyarakat menjadi faktor kejayaan jangka panjang dalam memerangi rasuah. Aisyah (2025) pula menyorot peranan media dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap integriti dan pentingnya media melaporkan isu rasuah secara berhemah dan mendidik.

Mohamad Izzuan Mohd Ishar et al. (2021) membuktikan bahawa integriti individu yang rendah menyebabkan amalan rasuah kecil-kecilan semakin berleluasa. Kajian Noriza Hassan (2020) pula menegaskan bahawa budaya integriti harus bermula daripada pendidikan nilai dalam kehidupan harian dan keluarga. Sorotan ini membuktikan bahawa integriti perlu disuburkan secara menyeluruh di peringkat individu, organisasi dan masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan (library research) dan analisis kandungan (content analysis) ke atas sumber-sumber sekunder seperti laporan rasmi SPRM, artikel jurnal, buku ilmiah dan data dari institusi berkaitan. Pendekatan ini membolehkan penulis mengenal pasti tema-tema utama berkaitan faktor penyumbang rasuah, kesannya kepada ekonomi dan sosial, serta pendekatan Islam dan etika dalam membanterasnya. Analisis juga merangkumi peranan pelbagai pihak dalam menyemai budaya integriti sebagai langkah pencegahan jangka panjang.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kehidupan seharian bergantung pada integriti. Ia membina kepercayaan antara individu terlebih dahulu. Kepercayaan hanya boleh dibina dalam perhubungan sosial atau pekerjaan apabila seseorang itu bermoral. Kedua, mempunyai integriti membolehkan

seseorang itu dihormati dan menjadi teladan kepada orang lain. Ketiga, kerana mereka tidak dibebani dengan rasa bersalah atau kecenderungan untuk menipu, individu yang mengamalkan integriti mengalami lebih banyak ketenangan fikiran.

Selain itu, integriti adalah penting untuk mencegah sifat buruk seperti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Integriti memastikan sistem perniagaan dan pentadbiran dalam kedua-dua sektor awam dan swasta beroperasi dengan adil dan telus. Akhir sekali, masyarakat yang mengekalkan integriti akan menjadi lebih harmoni, selamat, dan maju.

Faktor Yang Menyumbang Kepada Rasuah Dan Salah Laku

Faktor Individu

Faktor individu yang bersifat tamak boleh menyumbang kepada rasuah dan salah laku. Hal ini kerana, mereka sentiasa mahu mendapatkan lebih daripada apa yang sepatutnya tanpa mengira halal atau haram. Mereka melihat rasuah sebagai jalan singkat untuk mencapai kekayaan, pangkat dan kemewahan hidup. Contohnya, seorang pegawai menerima suapan daripada seseorang yang ingin mendapat sesuatu projek itu walaupun ia bertentangan dengan peraturan. Selain itu, kehidupan zaman moden yang mendorong individu untuk mengejar kekayaan daripada luaran seperti kereta mewah, rumah besar dan pakaian berjenama. Jika pendapatan tidak mencukupi, individu ini sanggup melakukan rasuah dan salah guna kuasa untuk menampung gaya hidup tersebut. Contohnya, pegawai yang hidupnya mewah tidak setanding dengan gaji yang diperolehi berkemungkinan terlibat dalam aktiviti rasuah. (SPRM, 2022)

Faktor Organisasi

Faktor organisasi yang merujuk kepada masalah atau kelemahan dalam sesebuah institusi yang membuka ruang kepada amalan rasuah dan salah laku. Pengurusan yang lemah dan tidak cekap boleh mendorong kepada rasuah dan salah laku. Selain itu, budaya kerja yang rosak boleh menyebabkan sesuatu organisasi itu musnah. Hal ini kerana rasuah yang menjadi rutin bagi pekerja-pekerja tersebut. Mereka yang bijak dalam memuji orang atasan dengan tujuan untuk naik pangkat juga merupakan salah satu faktor organisasi yang menyumbang kepada rasuah dan salah laku. Ini boleh menyebabkan seseorang itu mendapat pangkat yang tinggi bukan daripada hasil kerjanya malah daripada pujian mahupun kenalan yang rapat dengan pekerja atasan. (Zulkifli, 2017).

Faktor Sosial

Faktor sosial daripada tekanan rakan sebaya juga salah satu faktor yang boleh menyumbang kepada rasuah dan salah laku. Apabila kita melihat rakan disekeliling kita yang mengambil dan menerima rasuah, kita juga akan terikut malah yang lebih teruk adalah apabila tindakan tersebut akan dipuji oleh rakan-rakan. Selain itu, normalisasi rasuah dalam kehidupan harian yang dianggap sebagai perkara biasa dan bukan lagi perkara yang memalukan. Perkara ini yang bermula daripada rumah dimana ibu bapa sendiri yang mengajar anak dengan cara memberi rasuah. Contohnya, anak yang gagal

lesen dan mereka menyuruh anaknya memberi duit kepada guru tersebut untuk meluluskan anaknya. (SPRM, 2020).

Kesan Rasuah Terhadap Ekonomi Dan Sosial Negara

Kesan Terhadap Ekonomi

Rasuah merupakan musuh nombor satu negara kerana ia merupakan amalan tidak bermoral yang semakin berleluasa dan sukar dipisahkan daripada kehidupan masyarakat serta hampir semua sektor. Amalan rasuah menyebabkan kerugian besar kepada ekonomi negara melalui ketirisan, penyelewengan, dan salah guna kuasa yang berpunca daripada ketamakan segelintir individu berkepentingan. Banyak projek pembangunan terbengkalai akibat dana yang diseleweng, sekali gus memperlahankan pertumbuhan ekonomi negara. Sektor perolehan, penguatkuasaan, dan pelesenan adalah antara sektor yang paling terjejas, menyebabkan sistem pentadbiran negara menjadi tidak cekap. Selain itu, rasuah turut meningkatkan kadar inflasi yang membebankan rakyat dengan kos sara hidup yang lebih tinggi, sekali gus menurunkan kualiti hidup mereka. (SPRM, 2022).

Jika rasuah tidak dibendung, ia bukan sahaja merosakkan ekonomi, malah membawa kepada ketidakstabilan politik dan sosial. Rakyat yang kecewa dengan ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa akan hilang kepercayaan terhadap kerajaan, sekali gus mengancam perpaduan dan keamanan negara. Oleh itu, membanteras rasuah melalui penerapan integriti, ketelusan dan akauntabiliti amat penting bagi memastikan negara membangun secara adil dan sejahtera. Dengan menghapuskan rasuah, ekonomi akan lebih stabil, peluang pekerjaan meningkat, dan kesejahteraan rakyat dapat dijamin. (SPRM, 2022)

Kesan Terhadap Sosial Negara

Rasuah merupakan satu gejala buruk yang merosakkan nama baik diri, bangsa, dan negara. Walaupun sudah menjadi amalan biasa dalam masyarakat, kesannya sangat serius terhadap struktur sosial. Ia mencemarkan nilai moral dan etika, melemahkan integriti individu, serta menyebabkan jurang sosial semakin melebar apabila golongan yang tidak mampu disisihkan, manakala mereka yang berkuasa atau kaya mendapat kelebihan. Kepercayaan masyarakat terhadap institusi kerajaan dan sistem keadilan semakin luntur, lalu menjejaskan keharmonian dan perpaduan dalam negara.

Lebih membimbangkan, amalan rasuah turut melambatkan pembangunan asas seperti pembinaan sekolah, hospital dan kemudahan awam, sekali gus memberi kesan negatif kepada kesejahteraan rakyat. Agihan bantuan yang tidak adil serta penyalahgunaan kuasa mewujudkan ketidakpuasan dan ketidakstabilan sosial. Oleh itu, membanteras rasuah bukan hanya tanggungjawab pihak berkuasa, tetapi juga tanggungjawab seluruh rakyat demi memelihara nilai moral dan masa depan negara yang lebih harmoni. (Muhammad Faidhi Azis, 2022).

Langkah-Langkah Membanteras Rasuah Dalam Negara

Menanam Sifat Anti Rasuah Dalam Diri Individu.

Terdapat banyak amalan yang boleh diterapkan ke dalam diri setiap individu bagi mencegah dan memerangi perbuatan rasuah. Setiap individu perlu mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala rasuah dengan mengamalkan sikap jujur dan amanah. Selain itu, sistem keadilan yang baik dan kuat dalam badan kehakiman perlu diselaraskan dan dipertingkatkan. Pengawasan ketat dan telus terhadap urusan niaga dan penggunaan dana awam perlu diwujudkan bagi membanteras gejala rasuah daripada berleluasa. Masyarakat juga perlu diberi pendedahan dari segi pendidikan dan kesedaran tentang bahaya rasuah dan akibat negatif terhadap kestabilan dan pembangunan negara. Seterusnya, kerajaan juga perlu menjalankan inisiatif dan program anti rasua secara proaktif dan bertereusan bagi menekankan kepentingan dalam menangani isu ini (Azman, 2023).

Menekankan Penerapan Nilai – Nilai Islam

Menurut Islam, rasuah dianggap sebagai perbuatan yang amat dilarang dan dianggap sebagai dosa besar yang membawa akibat buruk kepada individu dan masyarakat. Konsep rasuah adalah sebagai suatu perbuatan yang bertentangan dengan prinsip – prinsip keadilan dan kebenaran serta mengganggu ketenteraman dan keharmonian masyarakat. Nooraini Othman (2009) menekankan kepentingan penerapan nilai – nilai Islam dalam diri penjawat awam kerana mereka merupakan aset kepada pembangunan negara. Pemahaman terhadap nilai – nilai Islam juga merupakan cara untuk menghalang diri daripada melakukan jenayah yang salah. Sebagai contoh, mengetahui nilai – nilai Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian dapat membantu individu memahami bahaya dan akibat terhadap perbuatan rasuah. Pendidikan yang memberi penekanan kepada nilai – nilai moral dan etika dapat membantu memupuk sikap yang jujur dan berintegriti dalam diri individu (Azman, 2023).

Memperketat Peraturan Dan Undang – Undang

Aktiviti rasuah bukan sahaja terhad kepada pemberian wang, hadiah, atau seumpama dengannya, malah melibatkan motif, strategi, wawasan dan aspek undang – undang (Shofian, 2008). Peraturan dan undang – undang yang berkaitan dengan rasuah perlu diperketatkan setimpal kepada pelaku rasuah. Peraturan dan undang – undang yang ketat dapat memberikan pengajaran kepada pelaku rasuah dan memastikan mereka bertanggungjawab atas perbuatan mereka. Dalam pada itu, menjalankan aktiviti penguatkuasaan undang – undang dan mewajibkan penyiasatan secara berterusan juga dapat membantu mengurangkan peluang dan aktiviti yang melibatkan rasuah. Sekaligus, ianya dapat memperkukuhkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam. Akhir sekali, sumber – sumber awam perlu diawasi dengan cekap agar dapat mengurangkan ruang untuk melakukan tindakan rasuah. (Azman, 2023).

Peranan Individu, Media Dan Masyarakat Dalam Menyokong Budaya Anti-Rasuah**Peranan Individu**

Peranan individu yang pertama ialah mengamalkan nilai integriti dan etika. Setiap individu perlu memikul tanggungjawab untuk menegakkan nilai integriti dan etika dalam setiap tindakan yang dilakukan, sama ada dalam urusan peribadi, sosial mahupun pekerjaan. Individu yang berintegriti tidak akan mengambil kesempatan ke atas kedudukannya, tidak mengamalkan sikap pilih kasih dan sentiasa bertindak dengan adil serta jujur. Penerapan nilai-nilai ini akan melahirkan masyarakat yang bersih daripada gejala rasuah dan mampu menjadi contoh yang baik kepada orang lain. (Izawati Wook, 2022).

Selain itu, setiap individu perlu berani menolak sebarang bentuk rasuah, tidak kira dalam bentuk wang, hadiah, layanan atau ganjaran lain. Penolakan ini bukan sahaja menunjukkan prinsip moral yang tinggi, malah dapat memutuskan rantai amalan rasuah dalam masyarakat. Sikap ini perlu dipupuk sejak usia muda agar menjadi sebahagian daripada pegangan hidup yang kukuh dan tidak mudah digoyahkan walaupun berhadapan dengan tekanan atau godaan. (SPRM, 2022)

Seterusnya, individu juga memegang tanggungjawab untuk melaporkan sebarang perbuatan rasuah yang disedari atau dialami kepada pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Tindakan melaporkan ini membuktikan keprihatinan dan keberanian individu dalam menegakkan keadilan. Bukan itu sahaja, malah dapat membantu pihak berkuasa membanteras jenayah rasuah. Kerahsiaan pelapor juga dilindungi oleh undang-undang, oleh itu tiada alasan untuk berdiam diri apabila melihat perlakuan rasuah. (Transparency International Malaysia, 2022).

Peranan Media

Media memainkan peranan sebagai agen penyampai maklumat kepada masyarakat. Oleh itu, media bertanggungjawab memastikan segala berita berkaitan rasuah disampaikan secara jujur, tepat, dan berlandaskan etika kewartawanan. Laporan yang bersifat fitnah atau berat sebelah boleh menjejaskan kredibiliti media dan mengelirukan masyarakat. Sebaliknya, laporan yang telus dan sahih dapat membentuk persepsi masyarakat yang betul terhadap isu rasuah dan pihak yang terlibat. (Haslinda Ismail, 2021)

Di samping itu, media boleh menjadi saluran penting untuk mendidik masyarakat tentang kesan buruk rasuah terhadap pembangunan ekonomi, keadilan sosial dan kesejahteraan negara. Melalui dokumentari, siaran khas, artikel mendalam dan forum perbincangan, media dapat menyampaikan mesej-mesej kesedaran yang berkesan kepada semua golongan masyarakat. Usaha ini akan membantu membuka mata masyarakat bahawa rasuah bukanlah isu biasa, tetapi satu ancaman serius kepada negara. (Mohamad Reeduan Mustapha, 2024)

Seterusnya, umum mengetahui bahawa majoriti masyarakat kini aktif di platform digital. Oleh itu, media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok dan X boleh dimanfaatkan

sepenuhnya untuk menyebarkan mesej anti rasuah secara meluas dan pantas. Penyampaian kandungan berbentuk video pendek, infografik, testimoni dan animasi berkaitan rasuah dapat menarik perhatian dan meningkatkan kesedaran masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan belia khususnya lebih mudah terkesan dengan kandungan kreatif dan interaktif yang disampaikan melalui medium ini. (Suhaila Ahmad & Norazlina Zainuddin, 2020).

Peranan Masyarakat

Peranan masyarakat yang pertama ialah masyarakat perlu memainkan peranan penting dalam membudayakan nilai-nilai murni seperti kejujuran, tanggungjawab, akauntabiliti dan amanah dalam kehidupan seharian. Budaya ini harus menjadi norma sosial yang diamalkan secara meluas dan bukan sekadar slogan. Apabila nilai murni menjadi amalan harian, masyarakat akan lebih peka terhadap sebarang bentuk penyelewengan dan tidak akan berkompromi dengan perbuatan rasuah. (Mohamad Reeduan Mustapha, 2024)

Seterusnya, didikan berkaitan integriti dan antirasuah perlu bermula dari rumah dan institusi pendidikan. Ibu bapa dan guru merupakan agen sosial utama yang boleh membentuk pemikiran anak-anak untuk memahami bahawa rasuah adalah suatu perbuatan yang salah dari segi moral dan undang-undang. Pendidikan awal ini sangat penting kerana ia akan mencorakkan tingkah laku dan sikap anak-anak apabila mereka dewasa kelak. (Haslinda Ismail, 2021)

Di samping itu, masyarakat juga perlu menunjukkan sokongan terhadap usaha kerajaan mahupun badan bukan kerajaan dalam membanteras rasuah. Sebagai contoh, melibatkan diri dalam program-program seperti ceramah, seminar, forum dan bengkel antirasuah. Penglibatan ini bukan sahaja dapat menambah pengetahuan, malah memberi mesej jelas bahawa perlu masyarakat bersatu dalam menolak amalan rasuah (SPRM, 2024).

KESIMPULAN

Peranan masyarakat yang pertama ialah masyarakat perlu memainkan peranan penting dalam membudayakan nilai-nilai murni seperti kejujuran, tanggungjawab, akauntabiliti dan amanah dalam kehidupan seharian. Budaya ini harus menjadi norma sosial yang diamalkan secara meluas dan bukan sekadar slogan. Apabila nilai murni menjadi amalan harian, masyarakat akan lebih peka terhadap sebarang bentuk penyelewengan dan tidak akan berkompromi dengan perbuatan rasuah (Mohamad Reeduan Mustapha, 2024)

Seterusnya, didikan berkaitan integriti dan antirasuah perlu bermula dari rumah dan institusi pendidikan. Ibu bapa dan guru merupakan agen sosial utama yang boleh membentuk pemikiran anak-anak untuk memahami bahawa rasuah adalah suatu perbuatan yang salah dari segi moral dan undang-undang. Pendidikan awal ini sangat penting kerana ia akan mencorakkan tingkah laku dan sikap anak-anak apabila mereka dewasa kelak. (Haslinda Ismail, 2021)

Di samping itu, masyarakat juga perlu menunjukkan sokongan terhadap usaha kerajaan mahupun badan bukan kerajaan dalam membanteras rasuah. Sebagai contoh, melibatkan

diri dalam program-program seperti ceramah, seminar, forum dan bengkel antirasuah. Penglibatan ini bukan sahaja dapat menambah pengetahuan, malah memberi mesej jelas bahawa perlu masyarakat bersatu dalam menolak amalan rasuah (SPRM, 2024).

RUJUKAN

- Ab Rahman, A., Abd Aziz, M. Y., Salleh, A. Z., & Kamarulzaman, A. N. (2023). Gejala rasuah dan implikasi terhadap masyarakat Malaysia menurut perspektif syarak. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 97–98.
- Ab Rahman, A., Lokman, N. W., Mohamed Zain, L., Syed Omar, S. M. N., & Gunardi, S. (2022). Analisis faktor-faktor gejala rasuah dan cabaran menanganinya di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 10(1), 90–97.
- Ahmad, S., & Zainuddin, N. (2020). Peranan media sosial dalam kempen antirasuah. *Jurnal Komunikasi*, 36(2), 45–58.
- Aisyah. (2025, February 27). Media, Pendidikan dan Rasuah. Malaysia Press Institute. <https://mpi.my/wp/the-dot/media-pendidikan-dan-rasuah>
- Azam Baki. (2022, December 9). Tiga Strategi Perangi Rasuah. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/235361>
- Azis, M. F. (2022). Kesan rasuah terhadap masyarakat dan negara. *Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) News*. <https://www.ukm.my/news>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <https://prpm.dbp.gov.my>
- Haslinda Ismail. (2021). *Pendidikan antirasuah melalui media massa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Institut Integriti Malaysia. (2024). *Laman rasmi Institut Integriti Malaysia*. <https://integriti.my>
- Izawati, W., Arif Fahmi Md Yusof, & Hasnah Hj. Haron. (2022). Rasuah dan integriti dalam pentadbiran awam di Malaysia: Sorotan literatur. *Journal Voice of Academic*, 18(2), 42–56. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/65310>
- Mohamad Izzuan Mohd Ishar, Fatin Afiah Md Azmi, Muhammad Hafizuddin Mokhtar, Abdul Rahim Risal, Mazilah Abdullah, Khirul Ikhwan Ibrahim, Mohd Faidzak Fadzullah Elias, Zulhilmi Mohd Abd Hamid, Mohd Fuad Jaafar, & Nur Fatimah Mustari. (2021). Amalan tidak berintegriti: Remeh tapi salah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 215–223. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/download/964/672/>
- Mustapha, M. R. (2024). Menjana kepercayaan dalam menangani rasuah dan memacu transformasi digital. *UMPSA News*. <https://news.umpsa.edu.my>
- Noriza Hassan. (2020, December 16). Membudayakan integriti dalam kehidupan. Universiti Malaysia Pahang (UMP). <https://news.umpsa.edu.my/experts/membudayakan-integriti-dalam-kehidupan>
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). (2022). *Statistik kes rasuah dan laporan integriti*. <https://www.sprm.gov.my>
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). (2023). *Rasuah merompak ekonomi negara*. <https://www.sprm.gov.my>
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). (2024). *Strategi pembanterasan rasuah nasional 2024–2028*. Jabatan Perdana Menteri.



- Transparency International Malaysia. (2025). *Promoting transparency and accountability*. <https://transparency.org.my>
- Wook, I. (2022). Rasuah dan integriti dalam pentadbiran awam di Malaysia: Sorotan literatur. *Voice of Academia*, 18(2), 42–56.